

07 OCT 2002

Forum-Wanita/I

SARAN GALAKKAN PENYERTAAN WANITA DALAM SEMUA BIDANG

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Seorang aktivis sosial berkata Malaysia dan negara-negara lain Asia harus memperkenalkan dasar tindakan yang menyokong penyertaan secara meluas wanita dalam semua aspek kehidupan.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir berkata dasar itu, yang memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita dalam setiap aspek kehidupan, bukan sahaja baik untuk wanita malah memanfaatkan semua pihak.

"Nampaknya, ada teori yang membuktikan bahawa jika ada beberapa orang wanita dalam sesebuah pertubuhan, ia memberi kesan positif kepada keseluruhan pertubuhan itu," katanya kepada pemberita selepas menyertai Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur pada Forum Ekonomi Dunia, di sini.

Beliau menyertai perbincangan mengenai "Pemimpin Wanita Asia Masa Kini". Perbincangan itu bertumpu kepada penyertaan kecil wanita berkedudukan tinggi dalam perniagaan serta bidang lain kehidupan.

Marina berkata kerajaan Malaysia terutamanya kementerian yang berkenaan harus melaksanakan perubahan itu untuk memberikan peluang lebih baik kepada wanita memainkan peranan dalam pembinaan negara.

"Jika negara konservatif seperti Pakistan boleh melakukannya, sudah pasti kita boleh melaksanakannya juga di Malaysia," kata Marina.

Menurutnya Pakistan mempunyai dasar yang memperuntukkan 30 peratus penyertaan wanita dalam pemilihan kerajaan tempatan.

Marina berkata penyertaan wanita Malaysia terutamanya dalam perniagaan dan politik adalah jauh daripada memuaskan dan sudah tiba masanya golongan hawa itu dianggap sebagai tenaga positif.

Beliau turut menekan tentang keperluan untuk menangani isu-isu budaya dan agama yang menghalang wanita daripada mengambil bahagian secara aktif dalam kerja-kerja luaran.

-- BERNAMA

AFY AHH NAK